

Bil. S 4

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERLINDUNGAN DEPOSIT (PINDAAN), 2012

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
2. Pemasukan bab 76A baru ke dalam S 110/10.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERLINDUNGAN DEPOSIT (PINDAAN), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perlindungan Deposit (Pindaan), 2012.

Pemasukan bab 76A baru ke dalam S 110/10.

2. Perintah Perlindungan Deposit, 2010 adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 76 —

“Pengecualian.

76A. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, tertakluk kepada syarat-syarat dan bagi tempoh atau tempoh-tempoh sebagaimana yang difikirkannya patut, mengecualikan secara bertulis mana-mana orang atau golongan orang dari semua atau sebarang peruntukan Perintah ini.”.

Diperbuat pada hari ini 11 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 4 haribulan Februari, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM